



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
KM 1 JALAN PANTAI, 71009 PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN TAWARAN

Majlis Perbandaran Port Dickson ingin menawarkan **Penyewaan Tapak Pusat Penjaja Sungai Seguni** kepada pihak yang berminat. Butiran adalah seperti berikut :-

Tajuk	Penyewaan Tapak Pusat Penjaja Sungai Seguni (Lokasi : Batu 3 Jalan Pantai, Bersebelahan Golden Straits Villa (GSV))	
Pelan Lokasi		Gambar
Syarat-Syarat Permohonan dan Kandungan Cadangan Pengurusan Kawasan	Sila Rujuk <u>Lampiran A</u>	
Tarikh Tutup Permohonan	02 DISEMBER 2019 SEBELUM JAM 5.00 PETANG	
Penghantaran Dokumen Cadangan	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Port Dickson Tingkat 2, Bangunan Terminal Bas Port Dickson 71000 Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus	

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pn. Norazian Razali, Jabatan Penilaian Pengurusan Harta, MPPD di talian 06 – 646 2057 sambungan 226.

Tarikh Kenyataan Tawaran : 01 November 2019

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN KANDUNGAN CADANGAN PENGURUSAN KAWASAN

1. Pemohon merupakan individu atau syarikat-syarikat bumiputera yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk pengurusan yang dicadangkan serta masih sah untuk menyertai tawaran.
2. Menyediakan pelan perancangan pengurusan **SECARA TERPERINCI** dan dinyatakan di dalam pelan tapak Pusat Penjaja Sungai Seguni merangkumi perkara seperti berikut :-
 - 2.1 Konsep yang akan dilaksanakan perlulah unik, moden dan bersesuaian dengan lokasi, konsep khemah **tidak dibenarkan** ;
 - 2.2 Perancangan dari segi pengurusan saliran/bahan buangan, pembersihan kawasan, penyelenggaraan, lanskap, promosi, papan tanda dan lain-lain yang berkaitan ;
 - 2.3 Pengurusan teknikal berkaitan elektrik/pencahayaan dan perpaipan ;
 - 2.4 Penyediaan kemudahan awam seperti tandas awam, tempat letak kereta, Surau dan lain-lain keperluan ;
 - 2.5 Penerangan berkaitan ciri-ciri kawalan keselamatan (keluar-masuk lalu lintas, insurans, alat kawalan pemadam api dan lain-lain yang berkaitan) ; dan
 - 2.6 Perincian berkaitan kos keseluruhan cadangan, rekod kemampuan tenaga kerja (warga asing tidak dibenarkan) dan sumber kewangan syarikat dalam merealisasikan pelan perancangan tersebut.
3. Mengemukakan cadangan kadar sewaan bulanan kepada pihak Majlis.
4. Kawasan pengurusan tapak Pusat Penjaja Sungai Seguni melibatkan kawasan sedia ada bertar sahaja dengan keluasan lebih kurang 39 meter x 45 meter.
5. Dokumen wajib yang perlu disertakan adalah :-
 - 5.1 Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah tempoh (SSM) ;
 - 5.2 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran @ Akta Tubuh Syarikat / Koperasi / Pertubuhan / Persatuan ;
 - 5.3 Salinan Penyata Kewangan ;
 - 5.4 Salinan Kad Pengenalan bagi pemohon individu ;